

Putrajaya atau UPM pilihan bina stadium ragbi

BERITA HARIAN

23/5/2017 p. 47

Kuala Lumpur: Dua lokasi – Putrajaya dan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang – dikenal pasti untuk dijadikan tapak pembinaan stadium ragbi kekal untuk membolehkan skuad negara berlatih dan dijadikan venue pertandingan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata pihaknya bersama Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) sedang mengada-

kan perbincangan mengenai kesesuaian kedua-dua tapak berkenaan sebelum keputusan muktamad diputuskan.

“Bila kita sudah buat pertimbangan dan rundingan dengan tuan tanah iaitu Perbadanan Putrajaya dan UPM, maka kita akan mengumumkan keputusan muktamad.

“Ia dijangka mengambil masa beberapa bulan kerana beberapa perkara perlu dilihat seperti tanah,

kemudahan, serta terma dan syarat,” katanya pada sidang media Larian Sukan SEA 2017 di sini semalam.

Buka cawangan IRANZ

Sebelum ini Khairy berkata kementeriannya bercadang membina sebuah stadium ragbi kekal bagi menghargai kejayaan Malaysia menjuarai Divisyen Satu Kejohanan Ragbi Asia di Bukit Kiara,

tahun lalu.

Ini selepas skuad ragbi negara tidak mempunyai tempat latihan kekal dan sesuai dengan mereka menjalani latihan sama ada di Padang UPM dan Padang Kelab Cobra di Petaling Jaya.

Dalam perkembangan sama, Khairy memberitahu pihaknya sedang mengadakan rundingan dengan Akademi Ragbi Antarabangsa New Zealand (IRANZ) untuk

membuka cawangan di Malaysia selain mewujudkan kerjasama antara juara dunia, All Blacks dari New Zealand dan KRM.

“Banyak perkara yang kita sedang usahakan selain daripada isu stadium dan kita akan terus usahakan bersama KRM supaya segala perancangan yang saya kemukakan ini akan menjadi kenyataan terutamanya kerjasama dengan IRANZ,” kata Khairy.